

Berita Harian 14/2/2011 MS 18/27.

Sulat asal keturunan kaum Embhan

Suami isteri teroka hutan tebal dirikan penempatan awal penduduk

Misteri Etnik



Azrul Affandi Sobry

azrabhanian.com.my

Gambar Nadim Bokhari

Siri kedua

MENEROKA hutan tebal seorang diri bukan perkara biasa dan menjadi bukti individu itu mempunyai kehebatan serta kehandalan meneruskan kehidupan. Tidak dapat dinafikan dia layak diangkat lelaki paling berani.

Begitulah bermula kewujudan masyarakat Embhan di pedalaman Kuching, Sarawak kerana sejarah masyarakat itu menceritakan permulaan keturunan mereka bermula dengan tindakan nekad Sulat Sewad bersama isteri meredah hutan tebal untuk mendirikan rumah di Bung Hlajang.

Sulat seorang daripada tujuh lelaki antaranya Sugi Bitang, Kelang Belangau dan Sage Sanat bersama pasangan mereka dari satu daerah di Jawa, Indonesia berhijrah ke Tanjung Datu lebih kurang 300 tahun dulu sebelum berpecah ke kawasan lain untuk mendirikan rumah.

Mereka sengaja berpecah agar mudah mencari sumber alam di tanah baru. Difahamkan, mereka antara



INFO

Terjemahan bahasa Embhan

Bahasa Embhan	Bahasa Melayu
■ Dayak	Orang
■ Samak	Ayah
■ Hnde	Ibu
■ Dek	Adik
■ Kakak dayung	Kakak
■ Kakak dali	Abang
■ Hleja	Kerja
■ Gila	Main
■ Siih	Lambat
■ Soh	Kenyang
■ Biwan	Lapar
■ Kain	Pakaian

punca awal kewujudan masyarakat Bidayuh dengan Embhan juga tergolong dalam masyarakat itu.

Penerokaan hutan tebal di puncak tinggi bukit berhampiran sempadan Kalimantan itu membuahkan hasil apabila selepas ratusan tahun, keturunan Sulat bertambah sehingga mewujudkan perkampungan di situ yang kemudian ditukar kepada Embhan dan seterusnya Semban pada 1969.

Nama Semban masih baru iaitu selepas kewujudan perkampungan baru iaitu Rejoi yang turut didiami penduduk dari Semban. Malah penggunaan pelbagai nama turut dipraktikkan sebelum ini oleh masyarakat iaitu Kepok (kampung) Lajang, Mutaan, Mugalag, Yakpot, Beluk dan Janu.

Semban bukanlah penempatan pertama mereka kerana sejak Sulat mendirikan rumah pertama dan dikurniakan cahaya mata, Lito Lih dan mendapat cucu, Maju Maja serta cicitnya, Hmokol Hmolong, kampung itu berkali-kali berpindah terutama ketika perang potong kepala dengan kaum Bidayuh dari Kalimantan, Indonesia.

Hmokol juga mencipta sejarah kerana kematiannya mewujudkan perkuburan pertama masyarakat itu di Bung Hlajang. Dia menjadi penduduk pertama meninggal dunia dalam sejarah kampung itu. Mayatnya dibakar di kebun kampung itu, sekali gus mewujudkan amalan pembakaran mayat sehingga kemasukan Kristian pada 1986.

Perpindahan dalam masyarakat itu juga didorong penerokaan tanah baru untuk pertanian seperti yang berlaku dengan kewujudan Kam-

JANG TENGOI (tengah) ketua kaum yang paling disegani pada 1930-an bersama penduduk Embhan.



ANTARA barang lama yang ditemui penulis dalam perjalanan ke kebun kaum Embhan.

pung Rejoi, sejam perjalanan dari Semban iaitu pecahan kampung asal.

Ada tiga sebab Bung Hlajang dipindahkan ke Semban iaitu ruang mendirikan rumah semakin terhad berbanding pertambahan penduduk. Ketika itupun sudah ada dua rumah panjang dengan 20 pintu, sedangkan bukit tinggi berkenaan tidak mampu lagi menampung rumah sebanyak itu. Bekalan air bersih juga menjadi isu utama penduduk yang hanya bergantung kepada air bukit.

Penduduk terpaksa mengikut gi-

liran kerana saluran buluh yang mengalirkan air itu hanya satu. Air itu juga perlahan dan mengambil masa lama untuk memenuhkan satu baldi.

Meskipun kerajaan membekalkan air paip pada 1973, ia tidak menyelesaikan masalah kerana paip itu dirosakkan babi hutan.

Jika mahu bekalan pulih, penduduk diminta menyelesaikan isu babi hutan. Ia menimbulkan sedikit halangan kerana babi menjadi haiwan penting dalam pelbagai upacara termasuk Gawai dan hal kematian bagi penduduk yang ketika itu mengamalkan kepercayaan pagan (tanpa agama).

“Bung Hlajang ketika itu juga sangat kotor dengan najis babi hutan sehingga di segenap kawasan terpaksa dibina laluan buluh untuk mengelak penduduk terpijak najis dan menjadi antara sebab kami berpindah.

“Akhirnya, pada 1989 iaitu selepas tiga tahun Kristian masuk ke kampung ini, kami berpindah ke Semban, hanya beberapa ratus meter dari Bung Hlajang. Namun, kami memberi kebebasan kepada penduduk yang masih mahu meneruskan kepercayaan pagan tinggal di Bung Hlajang.

“Lama-kelamaan, semua masyarakat Embhan turut berpindah termasuk mereka yang masih pagan dan kini hanya tinggalan bekas tembikar lama yang pecah di Bung Hlajang sebagai bukti pernah ada penduduk di situ lebih 20 tahun dulu,” kata

penduduk. Sagen Adan sambil menunjukkan lokasi kampung asal mereka.


Selepas perpindahan itu, pada 1991, kerajaan menyalurkan paip baru yang lebih besar, sekali gus membolehkan mereka menikmati air bersih dan menarik lebih ramai orang Embhan berpindah ke Semban.

Kewujudan Kampung Rejoi di bawah pimpinan ketuanya, Repon Teson dimulakan dengan tindakan tidak terancang mereka ketika mendirikan pondok di kebun sebagai tempat berehat selepas penat berladang.

“Sampai hari ini pun ramai yang mendirikan pondok seperti itu. Pada awalnya kami mendirikan pondok untuk menjaga kebun tapi akhirnya sepakat mendirikan kampung di situ. Tindakan nekad saya dan lima rakan iaitu Kawen Adan, Rawon Dawot, Ruti Ngad, Ayau Gumi dan Ahu Ganyai menjadi punca wujudnya Kampung Rejoi.

“Keputusan untuk mendirikan rumah secara tetap di Rejoi pada 1969 menarik perhatian rakan dari Semban. Beberapa tahun selepas itu, Sekolah Kebangsaan Semban turut dibina di Rejoi meskipun jarak kampung ini dengan Semban sejam perjalanan merentas hutan.

“Kini Rejoi mempunyai 70 keluarga dengan 40 rumah, manakala Semban mempunyai 132 keluarga dengan 59 rumah. Ia menjadikan masyarakat Semban di negara ini keseluruhannya kira-kira 200 keluarga. Keunikan lama masyarakat Bidayuh juga hanya ada di sini,” kata Repon merujuk kewujudan dua kampung itu dan budaya pemakaian gelang tembaga yang masih diamalkan di situ.



Sepanjang perjalanan merentasi hutan untuk ke kebun penduduk Semban dapat dilihat begitu banyak tinggalan sejarah antaranya pokok yang ditanam masyarakat awal tanda perdamaiannya dengan orang Bidayuh di Kalimantan ketika teretusnya perang potong kepala ratusan tahun dulu.

Pokok yang tingginya mencecah



BALAI
raya
pertama
Kampung
Semban.

Perang potong kepala sejarah penting penduduk Bung Hlajang



KIAN Tueh menunjukkan satu daripada dua tengkorak mangsa perang potong kepala yang terselamat dalam kebakaran dan masih disimpan masyarakat Embhan di Semban.

PERANG potong kepala atau dikenali Ngenyi oleh masyarakat Semban menjadi cerita sejarah penting suku etnik Bidayuh di pedalaman Sarawak itu dalam mempertahankan kampung yang diteroka sejak ratusan tahun dulu ditawan pejuang kampung lain.

Peperangan di Bung Hlajang bermula dengan tindakan seorang lelaki Bidayuh dari Tuhu Tenggi di Kalimantan, Indonesia iaitu Beden yang berlawan dengan orang Embhan iaitu Tohos di satu kawasan tidak jauh dari kampung mereka.

"Kebetulan ketika itu sedang berlaku perang potong kepala di kebanyakan kawasan di Sarawak. Pertembungan dua lelaki Bidayuh itu bukan dirancang. Mereka hanya terserempak dan berlaku pertempuran menyebabkan kepala Tohos dipanggal dan dibawa pulang ke Tuhu Tenggi.

"Marah dengan apa yang berlaku, dua anak Tohos, Sejt dan Saseng mencari Beden di Tuhu Tenggi. Namun, sukar menemui Beden kerana kampung itu seperti kampung hantu. Hanya kedengaran ayam berkokok, tidak nampak seorang manusia pun.

"Ketika Beden sedang membuang kulit kepala Tohos di luar kampungnya sambil membaca mantera, suaranya kedengaran kepada dua beradik itu yang pantas menggagal kepala Beden tetapi gagal kerana kehebatan ilmu yang dimiliki Beden. Akhirnya, mereka terpaksa menggunakan tangan untuk mematahkan lehernya sampai putus," cerita seorang tua di kampung Semban, Gudang Bujing, 71.

Dua beradik itu menyangka dapat mengalahkan Beden dan berniat mempersembahkan kepala itu kepada penduduk Bung Hlajang tetapi berlaku kesulitan dan kejadian pelik dalam perjalanan pulang.

Dalam perjalanan, apa saja yang dibual dan dirancang mereka dilung oleh kepala Beden dengan nada lebih kuat. Ia menakutkan dua beradik itu kerana khuatir di-



“Agak mengejutkan, ketika menukar haluan supaya tidak dijejaki penduduk Tuhu Tenggi, darah Beden pula bercakap dan menjerit menyebut arah haluan mereka”**”**

Gudang Bujing
Penduduk Bung Hlajang

dengari penduduk Tuhu Tenggi dan boleh menyebabkan mereka diserang. Lantas, mereka meninggalkan kepala itu di kawasan berhampiran Ebut Liban. Mereka hanya membawa tambuk (bakul) kosong yang ada sisa darah kepala Beden. Agak mengejutkan, ketika mereka menukar haluan supaya tidak dijejaki penduduk Tuhu Tenggi, darah Beden pula bercakap dan menjerit kuat menyebut arah haluan mereka. Akhirnya, tambuk itu juga ditinggalkan di pertengahan jalan.

Peperangan itu reda seketika dalam setahun atau dua tahun sebelum generasi baru Embhan berdepan pula serangan penduduk Tuhu Tenggi yang mendapat tahu Beden dibunuh orang Embhan.

"Serangan yang membabitkan ramai penduduk Tuhu Tenggi bermula dengan mereka berhenti berehat di Tringgos yang terletak beberapa kilometer dari Bung Hlajang. Penduduk Tringgos yang tahu tujuan mereka untuk menyerang Bung Hlajang, secara diam menyampaikan berita itu kepada orang Kampung Bung Hlajang.

"Penduduk Bung Hlajang yang diketuai Sebak, Kibun, Mukton dan Muktuh mengaturkan strategi menunggu di satu kawasan untuk menghalang serangan itu. Seorang daripada mereka memanjat pokok untuk memberi isyarat jika terlihat orang Tuhu Tenggi.

"Pertembungan penduduk dua kampung itu mencetuskan pertempuran sengit sehingga semua orang Tuhu Tenggi mati. Hanya tiga orang dibiarkan hidup untuk menyampaikan berita kekalahan mereka kepada penduduk Tuhu Tenggi. Muktuh berpesan kepada mereka, balik kampung, suruh ramai lagi datang sini. Namun, seorang daripada mereka mati di Gua Hnges," ceritanya lagi.

Oleh kerana itulah Tuhu Tenggi ditukar kepada Padang Bubu selepas ramai orang kampung itu mati dalam pertempuran. Jika adapun, mereka bukan penduduk asal. Kebanyakan tengkorak dalam simpanan masyarakat Embhan juga adalah kepala orang Tuhu Tenggi.

Sebenarnya, banyak lagi pertempuran dengan penduduk dari kampung lain, namun paling besar ialah dengan orang Tuhu Tenggi. Malangnya, satu kebakaran di Barruk iaitu tempat simpanan tengkorak pada awal abad ke 18 memusnahkan banyak tengkorak yang menjadi bukti sejarah penting kehebatan mereka dalam perang potong kepala. - **Bersambung esok**

puluhan meter itu menjadi bukti perang antara kampung yang meragut banyak nyawa itu sudah berlalu begitu lama. Namun, tinggalan daripada perang itu iaitu dua tengkorak yang masih disimpan di Semban menjadi bukti peristiwa pahit, namun dibanggakan mereka itu.

Sebenarnya berhampiran tapak lama Bung Hlajang juga ada tapak

Barruk iaitu pondok upacara khusus mereka yang menjadi tempat simpanan ratusan tengkorak tetapi sudah musnah dalam kebakaran. Cuma dua tengkorak itu dapat diselamatkan kerana ada penduduk bermimpi memindahkannya iaitu satu ke sebuah pondok tempat simpanan gong dan satu lagi ke Barruk baru yang dibina pada 2003.